

31/05/2002

Kecelaruhan kaburi Kelab Wartawan

KEHILANGANNYA selama tiga tahun sejak waran tangkap dikeluarkan ke atasnya oleh Suruhanjaya Sekuriti pada April 1999, mengundang pelbagai tanda tanya dan prasangka. Namun, kembalinya Datuk Soh Chee Wen dari luar negara pada 14 Mei lalu nampaknya segera mengubah statusnya daripada orang yang dikehendaki kepada `selebriti'. Dalam apa keadaan pun, ia adalah suatu keanehan bagi seseorang yang sudah didakwa di mahkamah atas dua tuduhan menipu sebuah firma broker saham lebih RM520 juta dan hanya dibebaskan dengan ikat jamin RM2 juta. Namun, bukan menghairankan untuk media turut memburunya bagi menyingkap rahsia di sebalik kehilangannya sebelum ini. Tetapi apabila Kelab Wartawan mengundang Soh untuk berucap pada satu majlis makan malam Selasa lalu dengan mengenakan bayaran kepada mereka yang hadir, tentunya ia suatu kejanggalan.

Meskipun Soh tidak harus dianggap bersalah sehingga mahkamah membuktikan demikian, namun platform yang diberikan sebuah pertubuhan yang mewakili wartawan dirasakan tidak kena kerana langkah berkenaan tidak ubah seperti mendewa-dewakannya. Lebih daripada itu, Soh pula memanfaatkan kesempatan berkenaan dengan menyatakan kesediaan untuk menutup mulut sekiranya itulah yang diarahkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ini juga suatu keluarbiasaan, seolah-olah Soh mahu mengangkat dirinya ke taraf Perdana Menteri pula. Harus diakui media amat berpengaruh dalam mengangkat atau menjatuhkan imej seseorang tetapi tidak harus sekali-kali terpesong daripada keutamaan sepatutnya. Tiada salahnya untuk Kelab Wartawan cuba meraih sedikit keuntungan menerusi jualan meja bagi majlis makan malam tetapi ini tentunya bukan antara cara yang digalakkan.

(END)